



BIL : Ruj. Kami : MBPJ.UKK.100-9/1/1 (72)

Tarikh : 30 MAC 2022

PEMBERITAHUAN PENUTUPAN JALAN DAN LENCONGAN TRAFIK SEMPENA PENGANJURAN PROGRAM SANTAI BUDAYA@KOTA SENI MBPJ

Dimaklumkan bahawa, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan mengadakan **Program Santai Budaya@Kota Seni pada 1 April 2022 (Jumaat)** bertempat di Pusat Bandar Seksyen 52, Jalan Yong Shook Lin, Petaling Jaya.

Sehubungan dengan itu, Majlis akan membuat penutupan jalan dan lencongan trafik di sekitar Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya **pada 1 April 2022 (Jumaat) 12.00 tengah hari hingga 12.00 tengah malam** yang melibatkan jalan utama (Jalan Yong Shook Lin, dan 1 lorong belakang iaitu (lorong belakang Jalan 52/18).

Laluan di Jalan Yong Shook Lin akan dilencongan ke Jalan RU 7/1 (bersebelahan IJM) dan Jalan Taman 7/6 (belakang Dewan Sivik).

Bagi penggunaan tempat letak kereta pula, orang awam yang datang ke Pusat Bandar Seksyen 52 boleh menggunakan kawasan tempat letak kereta seperti berikut:-

Bil	Kawasan Tempat Letak Kereta	Jumlah Petak
1	On Street Parking	735
2	Tempat Letak Kereta Kawasan B (Belakang Restoran Strawberry)	102
3	Bangunan Choy Fook On	200
4	Wisma Persekutuan	100
5	Bangunan PKNS	400
6	IJM	110
7	Kompleks A	422
8	Kompleks C	284
9	Sg. Jernih	100
10	Taman Jaya	80
	Jumlah	2533

Sepanjang penutupan/lencongan jalan-jalan ini, orang ramai dinasihatkan agar mematuhi tanda arah serta arahan daripada petugas trafik yang bertugas bagi menjamin kelancaran lalulintas di kawasan tersebut.

Untuk maklumat dan keterangan lanjut, orang ramai boleh menghubungi urus setia program, Jabatan Perancangan Pembangunan MBPJ, Tingkat 2, Ibu Pejabat MBPJ, Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya ditalian 03-79575291 atau 03-79563544 sambungan 262 atau 372.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

